

# Ucapan tahniah Sultan Nazrin cetus semangat

Pengacara Forum Perdana Hal Ehwal Islam sentiasa buat rujukan

aluan kerjaya penyampai sama ada pembaca berita, pengacara atau hos program tidak semestinya bermula dengan memiliki ijazah dalam bidang komunikasi kerana keberanian serta keyakinan ketika berada di hadapan audien yang ramai, ada kala sudah mencukupi.

Penyampai juga tidak perlu memiliki wajah yang kacak atau cantik kerana bagaimana seseorang itu menampilkan diri lebih penting. Sebagai penyampai, anda yang menentukan bagaimana mahu diri dilihat oleh penonton.

Begitu juga apabila mengacarakan majlis ilmu khususnya yang membincangkan isu keagamaan, pastinya pengacara mahukan kehadiran serta penyampaiannya itu menepati tema serta dapat diterima baik oleh hadirin yang ada di depannya.

Justeru, keupayaan untuk menghafal dan mengingat fakta, statistik serta jalan cerita adalah penting. Namun, seiring perjalanan masa, semua perkara itu boleh dikembangkan dan menjadikan pengacaraan satu tugas menyeronokkan.

## Dapat perhatian penerbit

Pengacara program *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* terbitan Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Mohd Hariri Mohd Daud, sudah melalui beberapa fasa sebelum kehadiran sebagai pengacara mula mendapat perhatian penerbit.

Tidak dapat melupakan pengalaman pertama melihat wajahnya di skrin televisyen pada tahun 2008, beliau yang mengacarakan program *Surah Pilihan* yang disiarkan jam 6 pagi di TV1 bangun sebelum subuh kerana tidak mahu terlepas detik bersejarah itu.

"Program 13 siri itu dirakam jadi sebelum subuh saya dah bangun sebab nak tengok penampilan pertama di televisyen. Sebagai pengacara saya memperkenalkan qari dan surah akan dibaca yang kemudian diuraikan maksudnya oleh qari itu. Kemudian muncul lagi pada pengakhiran program.

"Namun, selepas beberapa siri, saya terkejut kerana wajah pengacara tidak muncul sebaliknya qari terus menyampaikan bacaan dan huraian ayat. Penerbitnya, Norazidah Yusof, menelefon memberitahu penampilan

pengacara terpaksa dipotong kerana pengacara gugup dan nampak macam 'robot,'" katanya.

## Tidak patah semangat

Tertawa mengenangkan pengalaman pertama menjadi pengacara untuk program televisyen, anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan itu tidak sekali-kali patah semangat. Sebaliknya, peristiwa itu mendorong beliau untuk memperbaiki kelemahan diri.

Selepas menamatkan pengajian peringkat ijazah dalam bidang dakwah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2008, Mohd Hariri bekerja sebagai Penolong Pendaftar Jabatan Canselori di USIM. Selepas dua tahun di USIM, beliau diterima bekerja di Bahagian Dakwah JAKIM.

Selama lima tahun di JAKIM beliau terbabit dengan aktiviti memabitkan Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) termasuk Program Bas Belia MABIMS sebelum ditugaskan di Unit Indeks Syariah Malaysia sejak awal tahun lalu.

Sepanjang bertugas di JAKIM, anak kedua daripada lima beradik itu terus diberi kepercayaan mengacarakan program terbitan jabatan berkenaan seperti siaran langsung *solat Jumaat, sambutan Maulidur Rasul serta Maal Hijrah, Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.*

"Sebenarnya pertama kali saya bersiaran secara langsung ketika mengacarakan Majlis Sambutan Maal Hijrah pada tahun 2010 di Masjid Negara. Penerbitnya Saiful Nizam Saimon beritahu tugas saya ialah membuat pembukaan selama lima minit sebelum membawa penonton ke ruang solat Masjid Negara.

## Kongsi dengan penonton

"Hendak dijadikan cerita, Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Tuanku Mizan datang selepas 30 minit program siaran langsung bermula. Maka sepanjang setengah jam itu, saya terpaksa bercakap depan kamera. Masa tu apa sahaja kisah berkaitan hijrah Rasulullah SAW yang saya ingat, saya kongsi dengan penonton.

"Nasib baik hari sebelumnya saya ada membuat rujukan dan kisah hijrah Rasulullah SAW pun biasa kita ulang dengar. Tetapi, dalam hati tetap berdebar juga sebab 30 minit bukan sekejap, berpeluh juga dibuatnya kerana tidak boleh berhenti bercakap," katanya.

Beliau berkata, menyertai debat dan pernah mewakili USIM untuk pertandingan Debat Kefahaman Islam antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sedikit sebanyak pengalaman itu banyak membantunya ketika mengacara serta



berdepan dengan orang ramai.

Peluang mengacarakan *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* yang membincangkan pelbagai isu hal ehwal Islam datang pada hujung tahun 2011 dan Mohd Hariri bergilir dengan pengacara lain seperti Zakaria Othman, Dr Ridhuan Tee Abdullah dan Rizal Ramli.

## Mendapat sambutan

Katanya, hatinya berbangga kerana sejak kecil menjadi penonton setia program agama yang bertahan lama sejak mula disiarkan sejak tahun 70-an, tidak sangka beliau akan menjadi sebahagian daripada program yang kini bersiaran setiap malam Khamis di TV1.

Tambahan, ahli panelnya terdiri daripada kalangan tokoh yang hebat-hebat membuka peluang kepadanya menimba sebanyak pengalaman serta ilmu daripada bidang kepakaran mereka khususnya dalam membahaskan isu membabitkan kepentingan ummah serta umat Islam.

Menurutnya, sudah tiga tahun mengacarakan program berkenaan, beliau berasa gembira kerana program itu terus mendapat sambutan daripada penonton dan maklum balas positif diterima termasuk komen di facebook *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* membebarkan semangat kepadanya melakukan yang terbaik.

"Walau sudah biasa tetapi hakikatnya perasaan gemuruh ada kala datang juga. Mengacarakan *Forum Perdana Diraja* sempena Keputeraan Sultan Perak, Sultan Nazrin, rasa ketar kerana berdepan dengan sultan dan saya perlu

berhati-hati memastikan sembah takzim kepada baginda tidak tersalah.

"Namun, rasa lega apabila selesai program, Sultan Nazrin yang bersalaman dengan ahli panel dan pengacara mengucapkan tahniah. Rasa terlepas beban berat di bahu. Sebab itu saya akan membuat rujukan dan penyelidikan topik sebelum mengacarakan sesuatu program," katanya yang mengagumi gaya pengacara terkenal, Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar.

Mendirikan rumah tangga dengan Nor Farihan Zaidan, 29, pada 19 Disember 2010, pasangan itu dikurniakan sepasang cahaya mata berumur empat dan dua tahun.



HASLIZA HASSAN

hasliza\_hassan@bh.com.my